

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ**

(RAUB)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.06.2015

Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [RAUB] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) untuk mengesahkan (*validate*) laporan Syarikat Pembinaan PFI Sdn Bhd, sila nyatakan nilai jumlah pinjaman yang sah yang telah dipinjamkan; dan

(b) berapakah jumlah syarikat yang mendapat pinjaman ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pembinaan PFI Sdn Bhd (PPFI) adalah sebuah Syarikat Tujuan Khas (*Special Purpose Vehicle-SPV*) milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ditubuhkan pada 28 September 2006. Tujuan penubuhan syarikat ini ialah untuk memperoleh dana bagi membiayai projek pembangunan dan program yang dikenalpasti oleh Kerajaan.

PPFI berperanan mendapatkan dana dan kemudiannya disalurkan ke Akaun Amanah PFI di bawah kendalian Jabatan Akauntan Negara bagi membiayai projek pembangunan dan program yang dikenal pasti. Proses perolehan, pelaksanaan dan pemantauan projek/program termasuk pelantikan kontraktor bagi menjalankan projek/program pembangunan melalui dana PFI ini dilaksanakan sepenuhnya oleh Kementerian/Agensi yang terlibat mengikut prosedur perolehan Kerajaan sedia ada. PPFI hanya berperanan mendapatkan dana untuk membiayai projek/program pembangunan yang telah dikenalpasti oleh Kementerian/Agensi dan tidak memberi sebarang pinjaman kepada mana-mana pihak.